

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14, BANGUNAN U.M.B.C,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR.

20hb. Ogos, 1975.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 11/1975

Pembayaran Elaun Tambahan Ke Atas Pencen Yang Di Bayar Kepada Pesara-Pesara Angkatan Tentera.

Kerajaan telah memutuskan bahawa mulai daripada 1hb. Januari, 1973, satu elaun baharu akan dibayar ke atas pencen yang dibayar kepada pesara-pesara Angkatan Tentera di bawah "The Federation Army (Retired Pay, Pensions, Gratuities, and Other Grants) Regulations, 1961" tanpa mengira di mana pesara-pesara itu bermastautin. Mulai daripada tarikh itu elaun baharu ini, yang digelar Elaun Tambahan, akan menggantikan Elaun Sara Hidup yang dibayar di bawah Pekeliling F.E.O. Bil. 10 Tahun 1957.

2. Kadar-kadar Elaun Tambahan ini adalah mengikut formula yang sama seperti yang dibentangkan di perenggan 2, [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1974](#) bertarikh 18hb, Januari, 1974. Mengikut formula ini kadar Elaun Tambahan yang layak dibayar adalah seperti ditunjukkan dalam jadual Lampiran "A" kepada [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1974](#) itu. Jika pencen yang terlibat itu mengandungi sebahagian daripada satu ringgit, Elaun Tambahan akan dibayar pada kadar yang berkenaan bagi ringgit genap yang tertinggi yang paling dekat. Kadar-kadar Elaun Tambahan yang dikurniakan ini tidaklah berbeza samada penerimanya mempunyai orang-orang tanggungan atau tidak.

3. Jika seorang pesara itu menerima dua atau lebih pencen di bawah peraturan 30 (2) dan 55 (2), "The Federation Army (Retired Pay, Pension, Gratuities and Other Grants) Regulations, 1961", pencen-pencen itu hendaklah dijumlahkan bagi maksud mengira pemberian Elaun Tambahan di bawah Surat Pekeliling ini. Kesemua pencen yang dibayar kepada tanggungan seorang anggota tentera termasuk balu, anak, ibu, bapa dan atau lain-lain tanggungan, hendaklah dijumlahkan untuk menentukan kadar Elaun Tambahan yang akan dibayar.

4. Pekeliling F.E.O. Bil. 10 Tahun 1957 adalah dengan ini dibatalkan.

Saya yang menurut perintah,

(CLEMENT Y.M. HOON)

Bahagian Pencen,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam,

Malaysia.

Kepada
:

1. Semua Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian.
2. Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.
3. Semua Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.